

25/01/2004

Kongsi Raya Tahun Baru Cina catat sejarah

JOHOR BAHRU: Kongsi Raya Tahun Baru Cina 2004 peringkat kebangsaan, di Danga Bay, Pantai Lido, di sini, mencatat sejarah bukan saja menjadi acara terbesar pernah dianjurkan di negara ini, malah menerima kehadiran barisan pemimpin kerajaan Singapura dan puluhan ribu warga republik berkenaan.

Upacara penuh gemilang dan warna warni dihadiri lebih 100,000 orang, termasuk rakyat Singapura yang menyaksikan persembahan kebudayaan pelbagai lapisan masyarakat berlainan agama, budaya dan latar belakang keturunan.

Tetamu kehormat yang hadir pada majlis warna warni itu termasuk Yang diPertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putera Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah; Sultan Johor, Sultan Iskandar dan Sultanah Johor, Sultanah Zanariah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Timbalannya, Lee Hsien Loong; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman serta barisan anggota Kabinet Malaysia dan Singapura.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Kadir Sheikh Fadzir, berkata suasana itu menyerlahkan bahawa masyarakat benar-benar berkongsi merayakan bersama semua perayaan yang diisytiharkan sebagai perayaan nasional.

Beliau berkata, pada kali ini perayaan Kongsi Raya Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina 2004 mencatat sejarah kerana kehadiran barisan Kabinet dari Singapura diketuai Goh dan Hsien Loong.

"Acara yang penuh bersejarah ini ditayangkan secara langsung di Malaysia dan Singapura serta ditonton berjuta-juta rakyat kedua-dua negara yang hanya dipisahkan Selat Tebrau.

"Percayalah, kita amat berpuas hati dan gembira terhadap sambutan yang diberikan.

"Jelas, ia adalah satu lembaran baru terhadap hubungan antara kedua-dua negara yang kita doakan akan memberi kebaikan kepada masa depan rakyat," katanya berucap pada majlis Kongsi Raya Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina 2004, di Danga Bay, di sini, malam tadi.

Majlis penuh gemilang dan warna warni itu turut menerima kedatangan 295 tetamu khas dari seluruh dunia termasuk 21 stesen televisyen terkemuka antarabangsa yang turut disajikan dengan pertunjukan bunga api dan artis terkenal tanah air.

Dalam pada itu, Kadir berkata, segala kebahagiaan dan kemakmuran yang dikecapi negara ini adalah hasil perpaduan dan permuafakatan seluruh rakyat.

Katanya, asas kebahagiaan itu dibina secara bijak sana dan kukuh oleh kepemimpinan yang diasaskan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sebelum diwarisi Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kini Abdullah.

"Jelas dalam tempoh singkat menerajui rakyat dan negara, Perdana Menteri Kelima Malaysia berazam melonjakkan lagi segala kemajuan negara ke tahap paling tinggi dan berkekalan.

"Seperti mana sebelum ini, penekanan beliau juga adalah terhadap perpaduan dan keharmonian rakyat," katanya pada majlis dianggap sebagai terbesar pernah dianjurkan di negara ini.